

SAS Juara Kejohanan Ping Pong MSSWPL 2018



Jabatan Pendidikan Labuan telah menganjurkan pertandingan Kejohanan Ping Pong peringkat MSSWPL pada 24hb Februari 2018 bertempat di Dewan SJK (C) Chin Wen, Wilayah Persekutuan Labuan bagi tahun 2018.

Pertandingan tersebut telah melibatkan 10 buah sekolah menengah dan sekolah rendah di seluruh Wilayah Persekutuan Labuan.

Pertandingan ini telah diadakan bagi mencari dan mencungkil bakat para pelajar dalam bidang sukan Ping Pong. Maka, pertandingan ini telah mensasarkan kepada murid Sekolah Rendah dan Sekolah menengah di Wilayah Persekutuan Labuan.

Kejohanan ini telah mempertandingkan 2 jenis

pertandingan iaitu kategori Perseorangan dan kategori Bergu yang melibatkan dua kategori iaitu kategori umur 12 tahun dan ke bawah bagi lelaki dan perempuan serta kategori 18 tahun dan ke bawah bagi lelaki dan perempuan.

Sekolah Menengah St. Anthony telah dinobatkan sebagai Johan keseluruhan bagi Sekolah Menengah dalam pertandingan ini dan mendapat 2 Pingat Emas, 2 Pingat Perak dan 1 Pingat Gangsa manakala Naib Johan telah dimenangi oleh Sekolah Menengah Kebangsaan Labuan dan tempat Ketiga dimenangi oleh Sekolah Menengah Kebangsaan Mutiara.

Sekolah Menengah St. Anthony telah diwakili oleh lima orang murid iaitu Jeff Lim, Lester Lim, Abdul Shafiq dan Winnie Lim dari kelas Empat Sirius dan seorang pelajar dari kelas Empat Orion iaitu Gloria Liew. Semua pelajar ini terdiri daripada pelajar tingkatan 4.

Dalam kejohanan ini Adik Jeff Lim dan Lester Lim telah memperolehi pingat emas dalam kategori bergu kategori LB18, manakala adik Winnie dan Gloria Liew memperolehi pingat perak kategori PB18. Dalam kategori perseorangan pula adik Jeff Lim memperolehi pingat emas, Lester Lim pingat gangsa dan adik Winnie juga mendapat pingat gangsa.

Menurut Jerry Totih iaitu jurulatih sukan permainan Ping Pong SAS, beliau berkata Pengetua SM St. Anthony, iaitu Puan Dona Undoh juga sentiasa memberikan galakan, sokongan dan dorongan kepada semua atlet sekolah ini. Galakan dan dorongan ini telah menaikan semangat para pelajar untuk mengikuti semua acara yang dipertandingkan.

Menurut pengetua SAS, Puan Dona Undoh telah menyatakan bahawa Kementerian Pendidikan Malaysia sentiasa berusaha memberi penekanan terhadap peranan sukan dan aktiviti kokurikulum di sekolah bagi melahirkan murid yang

seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani, intelek dan sosial iaitu selaras dengan inisiatif Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013- 2025 untuk melahirkan modal insan secara holistik yang tidak hanya tertumpu kepada kejayaan akademik semata-mata, tetapi juga penglibatan murid dalam aktiviti kokurikulum

Harapan pengetua agar lebih banyak lagi murid-murid SM St. Anthony menyertai pertandingan seumpama ini bagi mencungkil bakat terpendam dalam kalangan murid. Beliau juga amat berbangga dengan kejayaan yang dicapai oleh murid-murid ini. Majulah Sukan Untuk Negara.

Berita Oleh : DK Suhana PG Tassip